

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD**
(PASIR PUTEH)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **23.05.2016**

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia membuat kajian semula terhadap polisi monetary negara supaya wang dikawal sepenuhnya oleh negara dengan menyekat pengembangan wang melalui pemberian pinjaman/pembiayaan melalui sistem perbankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rangka kerja dasar monetari sedia ada yang menetapkan kadar faedah dasar untuk mempengaruhi keadaan

makroekonomi dalam sistem perbankan rizab sebahagian (*fractional reserve banking*) telah berfungsi dengan baik untuk menggalakkan kestabilan makroekonomi secara keseluruhan dan menyokong pengantaraan kewangan. Kestabilan kewangan di bawah sistem ini juga utuh, disokong oleh rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang mantap serta pembangunan dan pengukuhan sistem kewangan yang berterusan dalam ekonomi Malaysia selama ini.

2. Selain itu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) juga sentiasa memantau polisi monetari negara menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang diadakan setiap dua bulan. Berdasarkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) semasa, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi. MPC menyedari bahawa terdapat risiko yang tinggi dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global. Justeru, MPC memantau dengan rapi serta menilai implikasi terhadap kestabilan harga dan pertumbuhan dalam negeri. Tindakan ini adalah bagi memastikan pendirian dasar monetari konsisten dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.
3. Sehubungan itu, kajian semula mengenai sistem kewangan atau rangka kerja dasar monetari alternatif tidak diperlukan pada masa ini.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 23.05.2016 (ISNIN)

SOALAN : 149

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan sekiranya pihak Kementerian ada cadangan untuk:

- (a) Membina jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat; dan
- (b) Membaiki jalan yang telah rosak di kawasan Murum

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sarawak, projek pembinaan jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat merupakan sebahagian daripada jajaran jalan akses ke Empangan Baleh, Kapit di bawah program *Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)* yang dilaksanakan oleh pihak *Regional Corridor Authority (RECODA)*, Sarawak bersama – sama JKR Sarawak dan bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) yang dilaksanakan oleh Kementerian ini, skop kerja yang dilaksanakan adalah membina jalan baru dan menaiktaraf jalan sedia ada. Manakala bagi kerja – kerja pembaikan jalan pula, ianya adalah dibawah skop penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh pihak JKR Negeri menggunakan peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (*Malaysian Road Records Information System*), atau dalam singkatan nama MARRIS. Sehubungan dengan itu, Kementerian mencadangkan supaya Yang Berhormat berhubung terus dengan pihak JKR Sarawak bagi kerja- kerja pembaikan jalan yang telah rosak di kawasan Murum menggunakan peruntukan MARRIS.